



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 7, July 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocialsciences.com](http://www.msocialsciences.com)

### Kesejahteraan Sosio-ekonomi Komuniti Nelayan di Endau, Mersing, Johor

**Nur Najmin Naja binti Zamri<sup>1</sup>, Azlina Abdullah<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Nur Najmin Naja binti Zamri ([najminnaja@gmail.com](mailto:najminnaja@gmail.com))

#### Abstrak

Kajian ini membincangkan mengenai tahap kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan di Endau, Mersing, Johor. Tahap kesejahteraan ini dilihat dari pelbagai dimensi yang menyelidik ditemui dalam pembacaan kajian lepas dan kajian rintis. Penulisan artikel ini bertujuan untuk mendapatkan dimensi yang jelas dalam pemahaman komuniti nelayan mengenai kesejahteraan sosioekonomi. Metod kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif. Sebanyak 55 set borang soal selidik telah diedarkan untuk kajian ini. Hasil kajian telah mendapati kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan bergantung kepada elemen keluarga, agama dan kejayaan. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori PERMA (*Positive Emotion, Engagement, Relationship, Meaning, Accomplishment*) oleh Martin Seligman. Artikel ini akan membantu memberi informasi lebih mendalam mengenai keperluan komuniti nelayan dalam mencapai kesejahteraan sosioekonomi.

**Kata kunci:** kesejahteraan, sosioekonomi, komuniti nelayan

### Socio-economic Wellbeing of Fishing Community in Endau, Mersing, Johor

#### Abstract

This paper discusses the socio-economic well-being of the fishing community in Endau, Mersing. The socio-economic well-being is viewed in the various dimensions that researchers have found in previous studies. The writing of this article aims to provide a clear dimension to the understanding of the fishing community on socio-economic well-being. Research method that has been used for this study is quantitative. 55 questionnaires were distributed. Thus, the study found that the socio-economic well-being of the fishing community depends on the elements such as family, religion and accomplishment. The theory of this paper is PERMA (*Positive Emotion, Engagement, Relationship, Meaning, Accomplishment*) by Martin Seligman. This article will help to provide in-depth information on the needs of the fishing community in achieving socio-economic well-being.

**Keywords:** well-being, socio-economic, fishing community

## Pengenalan

Terdapat pelbagai aktiviti pembangunan sosioekonomi yang dijalankan dalam negara termasuklah di kawasan kampung atau pinggir bandar. Aktiviti ini mampu membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan serta menambahkan sumber pendapatan negara yang sedia ada. Walau bagaimanapun, isu jurang ekonomi dalam pendapatan isi rumah masih berlaku sehingga kini. Dalam konteks pembangunan sosioekonomi pinggir bandar, sektor perikanan telah menjadi tumpuan kerajaan. Kepentingan sektor ini sebagai sumber makanan dan potensinya dalam menyediakan peluang pekerjaan terutama melalui perikanan marin dan penternakan akuakultur menjadikannya sebagai fokus utama kerajaan. Meskipun begitu, kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan di Endau tidak ditentukan oleh tumpuan kerajaan semata-mata.

Kesejahteraan hidup merupakan aspek yang semakin diberi penekanan dalam pengukuran kejayaan sesebuah dasar (Mohd Shaladdin, 2006). Meskipun Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju berasaskan perindustrian, namun sektor perikanan masih tidak boleh dinafikan sumbangannya terhadap ekonomi negara sama ada dari sudut pendapatan negara secara keseluruhan mahupun dari sudut peluang pekerjaan. Justeru, kajian tentang komuniti nelayan amat penting terutama berkaitan aspek kesejahteraan hidup memandangkan pentingnya kesejahteraan hidup itu sebagai syarat menjadi sebuah negara maju.

Pada tahun 2020, Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju dalam pelbagai dimensi. Hasrat ini bukan hanya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi tetapi juga membina masyarakat sejahtera dan inklusif yang berlandaskan etika dan moral serta bersatu padu. Kerajaan dilihat sentiasa mengambil pendekatan pembangunan seimbang yang memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), 2011-2015, kerajaan telah membuat pelaburan yang besar untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penambahbaikan dalam sektor penjagaan kesihatan telah meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan jangka hayat, dan mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu. Program perumahan telah meningkatkan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah. Di samping itu, garis panduan yang berkaitan juga diwujudkan untuk menyediakan persekitaran kehidupan yang lebih kondusif. Kadar jenayah telah berkurang melebihi 20% dengan pelaksanaan langkah-langkah seperti *omnipresence* di kawasan sering berlaku jenayah dan penyertaan masyarakat yang lebih meluas dalam aktiviti kawalan kawasan kejiranan secara sukarela. Program interaksi sosial melibatkan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat telah meningkat dengan ketara, mewujudkan perkongsian pengalaman dan nilai yang memupuk kesepaduan sosial serta memperkukuh perpaduan nasional. Penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan telah meningkat daripada 32% pada tahun 2011 kepada 40.8% pada tahun 2014. Peningkatan ini mencerminkan semakin ramai rakyat menghargai faedah sosioekonomi daripada sukan, iaitu bukan sahaja menyokong amalan gaya hidup sihat, malah memperkukuh perpaduan nasional.

## Kesejahteraan Sosioekonomi

Kesejahteraan boleh dikenal pasti melalui tahap pelbagai komponen seperti kesihatan, kebahagiaan dan kemakmuran, keselamatan, hubungan sosial yang baik, kebebasan dan pilihan, daya tahan, dan juga kepintaran pengetahuan dan pembelajaran (Holt et al., 2016). Sistem ekologi sosial yang berkesan mengekalkan kesejahteraan manusia lebih bersedia untuk menyesuaikan diri dan berubah sebagai tindak balas kepada perubahan. Para saintis sosial telah lama mengkaji struktur sosial, budaya masyarakat serta bagaimana ia berkaitan dengan persekitaran fizikal. McGregor et al. (2007) dan Coulthard (2012) menegaskan bahawa 'pendekatan kesejahteraan' dapat menyumbang kepada matlamat kelestarian atau kemapanan. Dalam konteks kesejahteraan nelayan, terdapat dua pendekatan dalam menilai tahap kesejahteraan iaitu dari aspek pengalaman sosial yang dialami individu dalam mengejar kesejahteraan dan tingkah laku nelayan dan keluarganya dalam usaha mencari kesejahteraan berasaskan nilai sosial dan makna yang menjadikan nelayan sebagai pekerjaan. Kesejahteraan dianggap sebagai hasil yang dapat diukur oleh individu, dan kesejahteraan merupakan proses yakni apa yang dilakukan individu, dan pilihan yang dibuat dalam usaha mencapai kesejahteraan.

Meningkatkan kesejahteraan rakyat merupakan salah satu daripada enam teras strategik Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) iaitu kerajaan sentiasa melaksanakan pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dari aspek taraf dan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi individu. Kesejahteraan adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan mobiliti sosial serta mengukuhkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. Sungguhpun pembangunan dan pemodenan Malaysia telah membawa perubahan besar kepada masyarakat, namun masih terdapat sebilangan masyarakat yang masih miskin, kekal terlibat aktif dalam aktiviti pertanian seperti nelayan, dan berada di luar bandar. Nelayan berperanan penting menyumbang kepada industri makanan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sektor pertanian termasuk sektor perikanan boleh menjadi sektor produktif, memberi pendapatan lumayan dan melahirkan golongan usahawan tani serta bersifat profesional.

Dalam membicarakan mengenai kesejahteraan sosial, banyak dimensi boleh diambil kira untuk membuat eksplorasi ke atas subjek kesejahteraan sosial. Asmah (1999) ada menyenaraikan penunjuk kesejahteraan yang boleh diguna pakai dalam kajian yang menilai tahap kesejahteraan sosial di sesuatu kawasan. Antara petunjuk kesejahteraan yang telah Asmah nyatakan adalah perlindungan, kesihatan, pendidikan, rekreasi, keselamatan, kestabilan sosial, persekitaran fizikal dan pendapatan (Asmah, 1999). Dalam penilaian kesejahteraan sosial, pembangunan harus berlaku sebelum kesejahteraan sosial dan kualiti hidup dapat dikaji dan ditentukan. Perkara tersebut selalunya adalah pembangunan aktiviti ekonomi seperti perikanan. Aktiviti ekonomi telah sebatikan dalam jiwa masyarakat di Endau kerana ianya merupakan sumber pendapatan hampir kesemua masyarakat yang tinggal di kawasan pinggir pantai. Kesejahteraan ekonomi ditentukan oleh pendapatan nelayan dalam aktiviti perikanan mereka. Pendapatan yang kurang mungkin akan membantutkan kesejahteraan ekonomi tetapi ia barangkali tidak menjejaskan kesejahteraan sosial komuniti tersebut.

Kesejahteraan sosioekonomi boleh dilihat dalam pelbagai dimensi untuk dihuraikan lagi. Mereka yang hidup di kawasan pinggir bandar dan mempunyai masalah kemiskinan juga mampu mencapai kesejahteraan sosioekonomi berdasarkan petunjuk dimensi kesejahteraan itu sendiri. Hal ini kerana mereka menumpukan kepada apa yang mereka lakukan dan apa yang mereka miliki berbanding kekurangan mereka sendiri (McGregor & Sumner, 2009). Perkara ini menunjukkan kesejahteraan sosioekonomi itu tidak menentukan seseorang itu berada dalam kemiskinan tetapi sebagai aktor yang menentukan sendiri gaya hidup mereka.

## **Kesejahteraan Sosioekonomi Komuniti Nelayan**

Melalui beberapa kajian luar yang ditemui, dapat dilihat bahawa topik kesejahteraan ini juga mendapat perhatian penyelidik luar. Beberapa penyelidik turut mengeluarkan dimensi utama dalam kesejahteraan sesebuah komuniti. Kajian-kajian ini juga kebanyakannya dilakukan terhadap komuniti pinggir bandar negara tersebut. Penemuan kajian luar ini telah banyak membantu penyelidik dalam menentukan tahap kesejahteraan ekonomi komuniti nelayan yang dikaji. Sementara itu, penyelidik dalam negara juga telah banyak menjalankan kajian terhadap status ekonomi nelayan dalam negara terutamanya di negeri Pantai Timur.

Kesejahteraan merupakan topik penyelidikan yang memiliki sejarah tersendiri dan terus berkembang dari tahun ke tahun. Setiap individu sentiasa akan berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup masing-masing. Makna kesejahteraan boleh dikaitkan dengan “sejahtera” yang membawa maksud aman dan makmur, senang dan tenteram (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat). Salah satu teori kesejahteraan telah dijelaskan oleh Martin Seligman pada tahun 2011 ialah PERMA (*Positive Emotion, Engagement, Relationships, Meaning and Accomplishment*) dalam bukunya, *Flourish* pada tahun 2011. PERMA dijelaskan dalam lima elemen iaitu, *the pleasant life* atau *positive emotion*, berhubungkait mengenai kehidupan yang kerap menggunakan emosi positif dengan memegang kepada agama masing-masing. Kedua, *the engaged life*, berkenaan kemampuan untuk mendapatkan rentak hidup yang baik dalam pelbagai keadaan dan tidak mudah berputus harap. Yang ketiga, *the meaningful life* iaitu mengenai tujuan dan makna hidup bagi setiap individu. Keempat, *relationship* yang berkisarkan hubungan individu dengan individu lain dalam menjalani kehidupan seharian. Kelima, *accomplishment* iaitu

pencapaian prestasi hidup individu (Seligman, 2018). Teori ini banyak digunakan dalam kajian kesejahteraan dengan menggunakan lima elemen tersebut sebagai kayu ukur kesejahteraan.

Menurut Sarah Coulthard (2015) dalam penulisannya “*Exploring Wellbeing in Fishing Communities*”, idea kesejahteraan itu sendiri telah menjadi titik tengah dalam kebanyakan dasar dan amalan di seluruh dunia. Turut mengkaji mengenai komuniti nelayan, beliau menegaskan bahawa penulisan tersebut memberi fokus kepada komuniti nelayan bagi memahami bagaimana kesejahteraan manusia boleh dikaitkan dengan gaya hidup, kebergantungan terhadap sumber laut, tafsiran tingkah laku manusia dengan definisi kesejahteraan itu sendiri yang sangat luas. Ia diliputi dengan cabaran dalam pengurusan sumber asli melalui aspek kesejahteraan sekali gus mencipta peluang untuk melakukan perkara yang berpotensi lebih tinggi. Dalam penulisan tersebut, Coulthard telah memberi tiga dimensi dalam penilaian kesejahteraan.

- i) Apa yang individu miliki
- ii) Apa yang individu boleh buat dengan apa yang mereka miliki
- iii) Apa yang mereka rasa mengenai apa yang mereka buat dengan apa yang mereka miliki

Apa yang penting ialah dimensi ini mengambil kira aspek objektif dan subjektif kesejahteraan itu sendiri iaitu apa yang individu ada dalam aspek objektif malah dari segi subjektifnya untuk memahami sendiri bagaimana individu menilai apa yang mereka lakukan dengan apa yang mereka ada. Penilaian sendiri penting bagi memahami mengapa individu bertindak sedemikian. Sebagai contoh, jika seseorang itu memiliki aset yang banyak tetapi tidak berpuas hati dengan gaya hidup yang dijalani, mempunyai tekanan dalam hidup dan tidak mempunyai hubungan yang bermakna maka kita tidak dapat menentukan individu tersebut mencapai kesejahteraan hidup hanya dengan apa yang dia miliki. Oleh itu, tiga dimensi kesejahteraan yang ditulis Coulthard ialah berdasarkan subjektif, kebendaan dan hubungan. Menurutnya, kesejahteraan individu dicapai setelah tiga perkara tersebut dapat dipenuhi.

Courtland L. Smith dan Patricia M. Clay (2010) telah menerbitkan sebuah artikel bertajuk “*Measuring Subjective and Objective Well-being: Analyses from Five Marine Commercial Fisheries*”. Menurut perspektif mereka, kesejahteraan ialah sebuah konsep di dalam antropologi, sosiologi, ekonomi, psikologi dan beberapa bidang sains sosial yang lain. Ia kebiasaannya dikatakan bergantung kepada tahap kewangan individu tetapi hakikatnya kesejahteraan itu sendiri membawa maksud yang sangat luas, bukan sekadar tahap kewangan atau aset yang dimiliki. Kesejahteraan boleh diukur dari masa ke semasa dengan tanggapan dan persepsi masyarakat dalam menilai baik atau buruk sesuatu perkara, sama ada lebih baik atau lebih buruk. Gaya hidup individu, isi rumah, rakan sekerja dan masyarakat sekeliling membuatkan mereka lebih memahami kesejahteraan mereka adalah penting bagi memastikan mereka berpuas hati dengan apa yang mereka lakukan (Gullone & Cummins, 2002).

Hasil kajian ini mendapati nelayan komersial mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih tinggi yang diukur melalui mobiliti sosial dan kepuasan bekerja individu. Kajian menunjukkan pola yang besar dalam memilih nelayan sebagai pekerjaan kerana memperoleh pendapatan yang banyak selain mempunyai sistem yang sangat mudah difahami. Analisis lima kajian kes terhadap kepuasan bekerja dalam sektor perikanan memberi satu pendekatan untuk mewakili dimensi objektif (kebendaan) dan subjektif (peningkatan kesejahteraan) nelayan komersial berbanding beberapa pekerjaan lain di kawasan setempat.

Status semasa komuniti nelayan di Bachok, Kelantan seperti yang dibincangkan oleh Norfatiha dan Nor Hayati (2019) pula membincangkan mengenai perspektif ekonomi yang melibatkan pendapatan dan modal. Tahap pendapatan komuniti nelayan di sini pada ketika itu rendah jika dibandingkan dengan kos hidup mereka. Perbincangan data empiris kajian ini melibatkan profil responden, pendidikan, kategori nelayan, jenis keusahawanan, pendapatan dan pemilikan aset. Hasil kajian mendapati taraf pendidikan yang rendah tidak membataskan komuniti ini untuk menceburi bidang keusahawanan untuk memajukan ekonomi diri dan keluarga. Penglibatan dalam bidang keusahawanan dapat menambah pendapatan mereka dan tidak akan bergantung kepada satu sumber pendapatan sahaja.

## Pendekatan Teori 'PERMA'

Kesejahteraan merupakan topik penyelidikan yang memiliki sejarah tersendiri dan terus berkembang dari tahun ke tahun. Setiap individu sentiasa akan berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup masing-masing. Makna kesejahteraan boleh dikaitkan dengan “sejahtera” yang membawa maksud aman dan makmur, senang dan tenteram (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat). Salah satu teori kesejahteraan telah dijelaskan oleh Martin Seligman pada tahun 2011 ialah PERMA (*Positive Emotion, Engagement, Relationships, Meaning and Accomplishment*) dalam bukunya, *Flourish* pada tahun 2011. PERMA dijelaskan dalam lima elemen iaitu, *the pleasant life* atau *positive emotion*, berhubungkait mengenai kehidupan yang kerap menggunakan emosi positif dengan memegang kepada agama masing-masing. Kedua, *the engaged life*, berkenaan kemampuan untuk mendapatkan rentak hidup yang baik dalam pelbagai keadaan dan tidak mudah berputus harap. Yang ketiga, *the meaningful life* iaitu mengenai tujuan dan makna hidup bagi setiap individu. Keempat, *relationship* yang berkisarkan hubungan individu dengan individu lain dalam menjalani kehidupan seharian. Kelima, *accomplishment* iaitu pencapaian prestasi hidup individu (Seligman, 2018). Teori ini banyak digunakan dalam kajian kesejahteraan dengan menggunakan lima elemen tersebut sebagai kayu ukur kesejahteraan. Perkaitan teori ini dengan tajuk yang dikaji adalah dengan melihat respon yang diberikan oleh responden terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Emosi positif (*positive emotion*) menggambarkan perasaan yang baik mempengaruhi banyak tindakan manusia dalam kehidupan seharian. Individu membaca, melancong atau melakukan apa sahaja yang membuatkan mereka berasa gembira dan gembira. Emosi positif ini meningkatkan prestasi di tempat kerja, meningkatkan kesihatan fizikal, mengeratkan hubungan dengan anggota masyarakat dan mewujudkan optimisme dan harapan yang baik untuk masa depan. Penglibatan (*engagement*) ini merujuk pada keterikatan, keterlibatan, konsentrasi dan tahap kecenderungan terhadap aktiviti seperti rekreasi, hobi, atau pekerjaan (Higgins, 2006; Schaufeli et al., 2006). Konsep utamanya adalah aliran (*flow*), ketika masa seolah-olah berhenti dan seseorang kehilangan rasa diri dan menumpukan perhatian pada masa kini. Apabila individu fokus untuk melakukan perkara-perkara yang benar-benar mereka nikmati dan sayangi, mereka akan mula terlibat sepenuhnya dengan keadaan semasa dan memasuki keadaan yang dikenali sebagai 'flow' (Seligman, 2011). Seterusnya ialah hubungan (*relationship*). Setiap individu mempunyai fitrah yang kuat untuk hubungan, cinta, hubungan fizikal dan emosi dengan orang lain. Individu akan meningkatkan kesejahteraan sendiri dengan membina jaringan hubungan yang kuat di sekeliling dengan semua orang lain dalam hidup kita. Hubungan positif, seperti hubungan yang kuat dengan keluarga dan rakan atau hubungan yang lemah dengan rakan sekerja, akan menimbulkan rasa kekitaan (Sandstrom dan Dunn, 2014). Kerangka teori PERMA yang seterusnya ialah unsur makna dan tujuan (*meaning*). Makna melibatkan penggunaan kekuatan bukan untuk diri sendiri sahaja, malah untuk memenuhi tujuan hidup yang dianggap penting. Individu berada di tahap terbaik ketika mereka meluangkan masa untuk perkara yang lebih besar daripada diri sendiri. Ini boleh jadi melakukan pekerjaan secara sukarela, menyertai komuniti secara aktif secara kelompok sivik atau agama, atau belajar untuk tujuan tertentu. Kegiatan ini mempunyai rasa tujuan, ianya menggambarkan alasan yang kuat mengapa individu melakukan apa yang mereka lakukan. Pencapaian (*accomplishment*) menandakan bagaimana individu menjalani kehidupan yang produktif dan bermakna. Perkara ini ditempuh untuk kepentingan sendiri, walaupun tidak membawa emosi positif, tidak ada makna, dan tidak ada yang menghalangi hubungan positif (Seligman, 2011, h. 18). Untuk mencapai kesejahteraan, individu mesti dapat melihat kembali kehidupan kita dengan rasa pencapaian: “Saya melakukannya, dan saya melakukannya dengan baik.”

## Metod Kajian

Sesuai dengan objektif kajian, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kuantitatif dengan menjalankan survei ke atas komuniti nelayan di Endau, Mersing. Terdapat tiga bentuk soalan di dalam borang soal selidik yang telah dibina iaitu soalan tertutup, skala likert dan soalan subjektif. Aplikasi pemprosesan data bagi borang soal selidik ini menggunakan *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS). Kajian telah memutuskan jumlah sampel untuk menjawab soal selidik ini ialah seramai 55 orang.

## **Lokasi Kajian**

Pemilihan lokasi kajian adalah di Endau-Mersing, Johor kerana kajian-kajian lepas tentang nelayan masih belum meneroka komuniti nelayan di kawasan ini yang tradisinya menjalankan aktiviti ekonomi pertanian dan nelayan, tetapi kini telah mengalami perubahan dengan teras ekonomi barunya berasaskan pelancongan. Malah, Endau telah menjadi pelabuhan utama perikanan di Pantai Johor Timur apabila kebanyakan nelayan dari Mersing telah berhijrah ke mukim Endau sehinggakan wujudnya Endau-Johor dan Endau-Pahang yang kedudukannya bersebelahan di sempadan Johor dan Pahang. Selain itu, hasil perikanan digunakan di seluruh Johor dan juga di eksport ke Singapura. Namun disebabkan sesetengah nelayan walaupun aktiviti mereka di Endau-Johor, tempat tinggal mereka adalah di Endau-Rompin Pahang. Oleh kerana objektif kajian ini turut melihat aktiviti penangkapan ikan nelayan dan aktiviti kehidupan harian mereka, maka kedua-dua kawasan ini turut dijejaki pengkaji.

## **Kaedah Analisis Data**

Data kuantitatif yang diperoleh daripada survei yang dijalankan akan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi menghasilkan model. Analisis statistik yang dijalankan akan melibatkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Pembinaan model berasaskan analisis hubungan semua faktor yang terlibat ke atas kesejahteraan sosioekonomi secara langsung akan dapat membantu merancang strategi kelestarian komuniti nelayan terutama dari aspek reproduksi sosial, pembangunan ekonomi dan keluarga komuniti nelayan.

## **Hasil Kajian**

Mersing merupakan daerah yang terletak di timur laut negeri Johor dan mempunyai keluasan 2836.6 kilometer persegi. Sektor perikanan memberi impak yang baik kepada komuniti nelayan melalui perikanan laut dalam dan akuakultur (Nor Hayati Sa'at, 2019). Ia dapat meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup nelayan ke arah yang lebih baik. Dengan itu, kajian menekankan kepada sosioekonomi dari segi corak pekerjaan dan pendapatan yang bakal dijadikan indikator utama untuk menentukan tahap kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan di Mersing ini.

## **Purata Pendapatan Nelayan**

Jadual 1 menunjukkan data peratusan purata pendapatan nelayan di Endau, Mersing. Sebahagian besar nelayan memperoleh purata pendapatan antara RM500 hingga RM2000 iaitu sebanyak 73% daripada jumlah nelayan yang menjawab soal selidik kajian ini. Pendapatan ini dikelaskan sebagai B1 dalam kategori B40 iaitu pendapatan isirumah kurang daripada RM2500 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Manakala, 12% dan 8% daripada jumlah responden kajian ini memperoleh pendapatan masing-masing sebanyak RM2001 hingga RM3000 dan RM3001 hingga RM5000. Mereka yang memperoleh pendapatan sebanyak ini juga masih berada di dalam kategori B40 tetapi dikelaskan sebagai B2 dan B4.

Jadual 1: Purata Pendapatan Nelayan di Endau, Mersing

<b>Pendapatan</b>	<b>Peratus</b>
RM500 hingga RM2000	73%
RM2001 hingga RM3000	12%
RM3001 hingga RM5000	8%
RM5001 ke atas	7%

## **Tahap Kepuasaian Pemilikan Aset**

Pemilikan aset komuniti nelayan telah dikelaskan kepada empat bahagian. Dari segi perumahan, ianya meliputi pemilikan rumah, pemilikan tanah rumah, mempunyai bilik tidur yang mencukupi, mempunyai

tandas yang mencukupi dan bantuan yang diterima. Dari segi peralatan perumahan pula kajian ini melihat kepada pemilikan peralatan seperti mesin basuh, televisyen, peti sejuk, telefon, komputer atau laptop, talian internet, langganan Astro dan kelengkapan dapur seperti periuk nasi, cerek, pengisar. Aspek pengangkutan dan perhubungan pula melihat pemilikan aset seperti motosikal, kereta, van atau lori dan telefon bimbit. Kemudian pemilikan aset dalam alatan nelayan ialah tentang pemilikan bot enjin sangkut, bot enjin dalam, pukot tarik, pukot hanyut, pukot tunda, pukot udang, pancing dan bubu.

Berdasarkan jadual 2, tidak ada seorang pun daripada 55 nelayan yang tidak berpuas hati dengan tahap pemilikan aset dari segi perumahan, peralatan perumahan, pengangkutan atau perhubungan dan alatan nelayan. Dalam kesemua aspek, majoriti responden berpuas hati dengan tahap pemilikan aset mereka. Sebanyak 85% berpuas hati dengan perumahan, 82% berpuas hati dengan peralatan perumahan, 67% berpuas hati dengan aset mereka dari segi pengangkutan dan perhubungan dan 92% dari jumlah responden berpuas hati dengan pemilikan aset alatan nelayan yang mereka miliki. Bilangan ini menunjukkan majoriti komuniti ini berpuas hati dengan pemilikan aset mereka kini.

Jadual 2: Tahap Kepuashatian Pemilikan Aset Komuniti Nelayan di Endau, Mersing

Aset	Tidak puas hati	Sederhana	Puas hati	Sangat puas hati
Perumahan	0%	13%	85%	2%
Peralatan perumahan	0%	17%	82%	1%
Pengangkutan/Perhubungan	0%	33%	67%	0%
Alatan Nelayan	0%	5%	92%	3%

### ***Elemen Penting dalam Kesejahteraan Sosioekonomi Komuniti Nelayan***

Menerusi soal selidik yang telah diedarkan, penyelidik memberikan soalan mengenai elemen-elemen kesejahteraan yang responden perlu pilih. Penyelidik telah meletakkan sebanyak 10 elemen dalam soal selidik dan responden akan memilih tiga elemen yang paling penting bagi mereka dalam mencapai kesejahteraan yang mereka fahami.

Berdasarkan jadual 3, dapat dilihat bahawa tiga elemen penting komuniti nelayan untuk mencapai kesejahteraan ialah keluarga, agama dan kejayaan. Dapatan ini berkait rapat dengan teori Seligman, PERMA (*Positive Emotion, Engagement, Relationship, Meaning, Accomplishment*). Sebanyak 95% daripada responden memilih agama sebagai elemen penting dalam kehidupan seharian mereka seiring dengan teori Seligman mengenai *positive emotion*. Seligman berpendapat emosi positif yang dipegang oleh individu adalah berdasarkan kepercayaan masing-masing kepada agama atau Tuhan. Emosi positif ini yang akan membuatkan individu sentiasa bersangka baik dengan ketentuan Tuhan dalam kehidupan seharian. Dalam aspek komuniti nelayan, mereka sering mengamalkan konsep berserah kepada Tuhan dengan rezeki yang telah ditentukan. Komuniti ini juga bergantung harap dengan Tuhan dalam aspek keselamatan apabila turun ke laut.

Jadual 3: Elemen Kesejahteraan Sosioekonomi Komuniti Nelayan di Endau, Mersing

Elemen	Peratus
Keluarga	95%
Kekayaan	10%
Agama	88%
Kejayaan	72%
Pengaruh	0%
Pendidikan	18%
Kedamaian	0%
Status sosial	0%
Tradisi/adat	5%
Kesihatan	43%

Begitu juga dengan keluarga dan kejayaan. Seligman telah mengemukakan elemen *relationship* dan *accomplishment* untuk mengukur kesejahteraan. Dapat dilihat komuniti nelayan di Endau, Mersing turut berpendapat bahawa hubungan individu dengan keluarga amat penting bagi mencapai kesejahteraan. Jika bukan kerana keluarga, mereka tidak akan sanggup untuk menghadapi risiko untuk turun ke laut. Keluarga juga memberi semangat dan motivasi untuk terus bekerja mencari rezeki. Seligman mengemukakan elemen *accomplishment* dalam kesejahteraan, seiring dengan pendapat komuniti ini iaitu kejayaan. Mereka juga berpendapat kejayaan adalah elemen penting dalam mencapai kesejahteraan. Komuniti ini sentiasa inginkan anak-anak mereka untuk berjaya dalam kehidupan, tidak kira dalam bidang apa pun yang diceburi. Ada di antara mereka juga menyatakan hasrat bahawa mereka ingin berjaya dalam bidang mereka iaitu penangkapan ikan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa purata pendapatan nelayan masih berada di tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, mereka tetap berpuas hati dengan pemilikan aset mereka sehingga kini. Fenomena ini menunjukkan meskipun dengan pendapatan yang rendah, mereka mampu untuk menyediakan keperluan asas yang cukup untuk ahli keluarga dalam menjalani kehidupan seharian. Tambahan, komuniti ini juga berpegang teguh dengan konsep percaya kepada rezeki yang telah ditentukan Tuhan. Banyak perkara yang boleh kita pelajari dalam kajian ini selain dari elemen kesejahteraan yang telah ditekankan itu sendiri. Antaranya ialah kepercayaan kepada Tuhan, melahirkan rasa syukur dengan rezeki yang diberikan dan sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan keluarga. Umumnya, aktiviti kejrangan dalam komuniti yang masih aktif sebahagian besar responden yang boleh membawa kepada kekuatan ikatan hubungan sesama mereka (Nor Hayati, 2019). Diharapkan agar kajian ini dapat membuka mata pihak berwajib dalam mendekati komuniti ini.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dijalankan di bawah dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod geran FRGS/1/2019/SS06/UKM/02/6. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan juga CRIM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Anthony Charles. 2012. *Well-Being and Fishery Governance*.  
Anthony Charles., (2012). *Well-being and Fishery Governance*.  
Courtland L. Smith., (2010). Measuring Subjective and Objective Well-Being: Analyses from Five Marine Commercial Fisheries. *Human Organization*, 69(2).  
Dzuhailmi Dahalan (2012). *Komuniti Nelayan Muslim: Analisis Kepentingan dari Sudut Kehidupan Beragama*.  
Easley Britton (2012). Assessing the Social Well-Being of Northern Ireland's Fishing Society Using a Three-Dimensional Approach. *Marine Policy*, 37, 28-36  
Haris Abd. Wahab (2012). *Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator*.  
Haryati Shafii (2017). *Pembentukan Penunjuk dan Indeks Kualiti Hidup Bagi Mengukur Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor*.  
Irfan Azim Mohd Zanuddin., (2018). Pembinaan Indikator Konstruk Sosioekonomi bagi Mengukur Kesejahteraan Penduduk dalam Kawasan Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang Langat, Malaysia. *Geografi*, 6(2), 90-100.  
John Fisher. (2017). *Presenting a 4-Item Spiritual Well-Being Index (4-ISWBI)*. *Religions*. Vol. 8, 179



- Klara Malinakova (2016). *The Spiritual Well-Being Scale: Psychometric Evaluation of the Shortened Version in Czech Adolescents*. *J Religious Health*, 56, 697–705
- McGregor, A. (2008). *Well-Being, Poverty and Conflict*. Briefing Paper 1/08, ESRC Research Group on Well-being in Developing Countries.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff (2002). *Masyarakat Nelayan di Negeri Pahang: Satu Kajian Sosioekonomi*.
- Mohd Yusof Hussain (2011). *Kesejahteraan Sosial Masyarakat Nelayan: Kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor*. *Social and Spatial Challenges of Malaysian Development*. 80 – 90
- Nireka Weeratunge (2014). *Small-scale fisheries Through the Wellbeing Lens, Fish and Fisheries*. Vol 15, 255–279.
- Nor Hayati Sa'at, Nazli Aziz & Siti Salina Abdullah (2019). *Komuniti Pesisir Pantai Menangani Pembangunan dan Perubahan*.
- Nor Hayati Sa'at, Nur Azura Sanusi, Mohd Fikri Mohamad. (2019). *Inovasi Sosial Komuniti Nelayan Mersing*.
- Sarah Coulthard (2015). *Exploring Wellbeing in Fishing Communities. Developing a Social Wellbeing Approach for Sustainable Fisheries in South Asia 'WellFish'*.
- Sorna Khakzad (2016). *The Role of Fishing Material Culture in Communities' Sense of Place as An Added-Value in Management of Coastal Areas*.
- Tracy Van Holt., (2016). *A Social Well-Being in Fisheries Tool (SWIFT) to Help Improve Fisheries Performance*. *Sustainability*, 8, 66.